

Lahad Datu: Kerajaan Siasat Dakwaan Penglibatan Pembangkang
mStarOnline
3 Mac, 2013
Oleh MAZWIN NIK ANIS dan EMBUN MAJID

KANGAR: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengarahkan perisikan Malaysia untuk menyiasat dakwaan bahawa pembangkang adalah antara pihak yang bertanggungjawab menghasut waris Kesultanan Sulu untuk menuntut Sabah.

Najib berkata dakwaan berkenaan merupakan sesuatu yang serius dan ia perlu disokong dengan bukti.

"Terdapat gambar dan keterangan tetapi kita perlu bukti kukuh untuk mengetahui siapa yang benar-benar terlibat disebalik krisis ini," katanya ketika pelancaran Universiti Malaysia Perlis kampus utama pada hari Ahad.

Menurut Perdana Menteri, tuntutan terhadap Sabah bukan sesuatu yang baru namun adalah amat amat mencurigakan mengapa ia dibangkitkan semula sekarang.

Kata Najib, Malaysia dan Filipina akan menyiasat perkara itu secara berasingan namun akan bertukar-tukar maklumat mengenainya.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2013 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2013/3/3/mstar_berita/20130303145818&sec=mstar_berita